

Faktor cuaca, persekitaran punca denggi meningkat

Fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini menyaksikan beberapa isu berkaitan kesihatan dan penularan wabak berbahaya semakin membimbangkan. Situasi ini menyebabkan penerimaan hujan berkurangan dan biasanya suhu meningkat antara 0.5 hingga dua darjah Celsius. Keadaan cuaca yang tidak menentu ini dengan hujan dan panas bersilih ganti adalah punca utama penularan denggi dan masalah kesihatan.

Justeru, orang ramai digalakkan menjaga kesihatan seperti memperbanyakkan minum air yang dimasak dan kurang mengambil air batu dalam minuman. Sekiranya mahu melakukan aktiviti riadah dan sukan sebaiknya selepas jam 5 petang bagi mengelakkan cuaca panas terik.

Cuaca tak menentu

Pada masa sama orang ramai harus sedar akan pencegahan penularan wabak berbahaya seperti denggi. Keadaan cuaca yang tidak menentu ini menjadi faktor menyebabkan kes demam denggi meningkat. Kempen pencegahan harus dilakukan secara berterusan agar orang ramai lebih peka akan isu ini.

Antara aktiviti pencegahan yang boleh dilakukan adalah dengan menganjurkan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekitar kawasan kediaman. Selain itu, orang ramai juga disarankan membuat laporan kepada pihak berkuasa tempatan sekiranya terdapat kawasan pembinaan yang mungkin terdedah kepada pembiakan nyamuk aedes.

Sedikit sebanyak, dengan langkah pencegahan dapat mengurangkan serta menghapuskan wabak berbahaya dari menular. Kerjasama dan keprihatinan semua adalah amat diperlukan dalam menjaga kebersihan kawasan sekitar.



Firdaus Azahari,

Universiti Sains Islam Malaysia.